

26 JUN 1998

Daim-jawatan(bergambar)

DAIM, KASITAH ANGKAT SUMPAAH JAWATAN MENTERI

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Tun Daim Zainuddin mengangkat sumpah bagi memegang jawatan menteri di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara hari ini.

Daim menganggotai semula Kabinet sebagai Menteri Tugas-tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri.

Turut mengangkat sumpah ialah Tan Sri Kasitah Gaddam yang juga menyertai semula Kabinet sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Pelantikan mereka diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri dua hari lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim hadir pada upacara itu.

Turut hadir ialah Ketua Hakim Negara Tun Eusoff Chin, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Daim, 60, pernah memegang jawatan Menteri Kewangan dari tahun 1984 hingga 1991 sebelum menjadi Penasihat Ekonomi Kerajaan. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), badan perundangan yang dibentuk bagi membantu menangani kegawatan ekonomi.

Daim dipertanggungjawab dengan soal berhubung pembangunan ekonomi dalam tugas barunya sebagai menteri.

Kasitah, yang mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Negara semalam, pernah memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari tahun 1986 hingga 1988 dan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah dari 1989 hingga 1990.

-- BERNAMA

HAK+HS WAT